

Tanah runtuh di Genting Highlands

Dua mata air ditemui atas bukit

Dikhuatiri boleh timbulkan risiko runtuh susulan di lokasi kejadian

Oleh Fitri Nizam
bhnews@bh.com.my

Kuala Lumpur: Hasil pemantauan bomba menemui beberapa mata air di bahagian atas bukit di Jalan Ion Delement, Genting Highlands yang dipercayai punca insiden tanah runtuh, Selasa lalu.

Ketua Balai Bomba dan Penyelamat (BBP) Genting Highlands, Yusri Abdullah Sani, berkata kewujudan mata air itu dikhuatiri boleh menimbulkan risiko runtuh susulan di lokasi kejadian.

"Terdapat sekurang-kurangnya dua mata air ditemui di atas bukit. Kita dimaklumkan Jabatan Mineral dan Geosains Pahang sudah melakukan penyiasatan dan pemantauan berhubung perkara itu.

"Langkah berjaga-jaga diambil

bagi menghadapi sebarang kemungkinan," katanya ketika dihubungi BH, di sini, semalam.

Selasa lalu, 200 kakitangan dan penghuni hotel serta pangsapuri terperangkap akibat tanah runtuh di Jalan Ion Delement, Genting Highlands berikutan hujan lebat.

Bagaimanapun, runtuh tanah di lereng bukit itu dipercayai berlaku secara berperingkat bermula jam 5 petang tidak memabatkan sebarang kecederaan atau kemalangan jiwa.

Rakaman video memaparkan

Kewujudan mata air itu boleh menyebabkan berlaku runtuh susulan di lokasi kejadian sekiranya hujan lebat dalam tempoh terdekat.

Yusri Abdullah Sani, Ketua Balai Bomba dan Penyelamat Genting Highlands

tanah runtuh itu turut tular di laman sosial, sekali gus mengundang kebimbangan pelbagai pihak tahap keselamatan di lokasi kejadian.

Yusri ketika mengulas lanjut berkata, kewujudan mata air itu boleh menyebabkan berlaku runtuh susulan di lokasi kejadian sekiranya hujan lebat dalam tempoh terdekat.

"Justeru, saya meminta orang ramai termasuk yang menggunakan laluan alternatif sentiasa berwaspada, terutama ketika hujan lebat dan laporkan segera sebarang kejadian membabitkan isu berkenaan," katanya.

Sementara itu, laluan utama menghubungkan hotel dan pangsapuri yang terletak di Jalan Ion Delement, Genting Highlands masih ditutup kepada semua lalu lintas sehingga Jabatan Kerja Raya (JKR) selesai menjalankan penilaian tahap keselamatan cerun di lokasi kejadian.

Yusry berkata, laluan alternatif ketika ini hanya dibuka untuk kenderaan ringan bagi memastikan kelancaran pergerakan keluar masuk dari hotel dan pangsapuri di lokasi berkenaan.



Anggota penyelamat memeriksa struktur tanah runtuh di atas bukit di Jalan Ion Delement, Genting Highlands, kelmarin. (Foto Asyraf Hamzah/BH)